

UCAPAN
LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN SEMPENA BENGKEL
TEKNOLOGI FABRIKASI PCB DI DEWAN KAPITOL, PERLIS
PADA 03 JULAI 2007.

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Yang berusaha Pengurus Besar Syarikat Vanguard Electronic Mr. Raymond,
Yang Berusaha En. Abdul Rahman B. Mohd Saad, Pengarah Pusat Kejuruteraan,
Yang diraikan semua peserta-peserta Bengkel Teknologi Fabrikasi PCB, dan warga KUKUM sekalian.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan kurnia-nya dapat kita berkumpul bagi menjayakan bengkel Teknologi Fabrikasi PC. Terlebih dahulu saya mengucapkan “Selamat Datang” kepada semua peserta yang akan mengikuti kursus ini, saya difahamkan ada diantara peserta bengkel terdiri daripada pensyarah-pensyarah, juruteknik, staf-staf teknikal dari universiti, politeknik, Institusi penyelidikan dan industri di seluruh Malaysia. Selamat Datang diucapkan.

Adalah menjadi harapan saya dan KUKUM sendiri, agar semua peserta dapat menimba pengetahuan dan juga pengalaman dari bengkel yang diadakan selama empat hari bermula dari 3-6 Julai 2006.

Para hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

Bengkel Teknologi Fabrikasi PCB atau pun Workshop on PCB Fabrication Technology merupakan hasil usahasama diantara KUKUM dengan Syarikat Vanguard Electronic Sdn. Bhd. KUKUM menawarkan kemudahan makmal yang dilengkapi dengan peralatan yang

terkini untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya peralatan dan kemudahan tersebut, kami di KUKUM dapat menghasilkan PCB untuk “single layer”, “double layer” dan juga “multilayer” Disamping itu, KUKUM juga mempunyai tenaga pengajar yang berpengalaman dalam bidang perisian OrCad (merekabentuk PCB khasnya) dan juga proses Fabrikasi PCB yang akan membantu menjayakan bengkel ini.

Dengan adanya kursus seperti ini diharap semua peserta dapat menghasilkan Fabrikasi PCB dengan menggunakan teknologi dan peralatan terkini yang ada di KUKUM. Diharap pensyarah-pensyarah, juruteknik-juruteknik dari universiti, politeknik dan juga institusi penyelidikan serta industri dapat memperolehi pengalaman dan pengetahuan mengenai teknik dan proses Fabrikasi PCB yang berkualiti.

Selain bertukar pendapat, adalah menjadi harapan KUKUM agar pengalaman dalam bidang Fabrikasi PCB dapat dikongsi bersama antara peserta yang menghadiri Bengkel Teknologi Fabrikasi PCB 2006. Memandangkan ini merupakan kali pertama KUKUM mengadakan Bengkel Teknologi Fabrikasi PCB, dengan kerjasama syarikat Vanguard Electronic, diharap hasilnya dapat digunakan serta diaplikasikan di jabatan masing-masing.

Di Pusat Kejuruteraan sendiri, kami menggunakan perisian OrCad untuk merekabentuk PCB. Perisian ini bersesuaian dengan peralatan yang sedia ada di Makmal PCB dan juga mudah dipelajari serta difahami oleh pelajar KUKUM. Tambahan pula perisian ini banyak digunakan di industri-industri dalam penghasilan PCB. Kami menggunakan kaedah “hands-on” dengan memberi lebih penekanan kepada amalan praktikal secara intensif. Semua pelajar akan mempelajari kaedah dan teknik fabrikasi PCB di dalam subjek Kemahiran Kejuruteraan 2. Pendedahan awal ini diharap dapat membantu pelajar mengaplikasikan di alam pekerjaan kelak.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya bagi pihak Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia, sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam memberi sokongan menjayakan bengkel pada hari ini. Sesungguhnya

bengkel pada hari ini secara tidak langsung akan dapat menjana sebuah perhubungan yang lebih erat di masa-masa akan datang antara KUKUM dan pihak industri.

Saya sudahi ucapan ini dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.